

## Fitch kekalkan penarafan Malaysia

**Fitch** Ratings kekal mengesahkan penarafan kemungkiran penerbit (IDR) mata wang asing jangka panjang Malaysia pada A-dengan tinjauan stabil.

Ia berkata, penarafan Malaysia itu adalah berdasarkan keseimbangan pertumbuhan jangka sederhana yang kukuh dan meluas dengan kepelbagaian asas eksport berbanding hutang awam yang tinggi serta beberapa faktor struktur yang masih ketinggalan seperti petunjuk tadbir urus yang lemah berbanding negara rakan lain.

Firma penarafan antarabangsa itu juga menjangkakan faktor struktur akan bertambah baik secara beransur-ansur dengan usaha kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan ketelusan dan menangani keserasuah berprofil tinggi.

Fitch Ratings juga mengunjurkan hutang kerajaan secara umum berkurangan beransuransur daripada 62.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019 kepada 59.3 peratus menjelang 2021.

Ia berkata, angka hutang yang digunakan, termasuk laporan rasmi 'jaminan kerajaan komited' ke atas pinjaman

yang dibayar oleh belanjawan kerajaan dan hutang bersih 1Malaysia Development Bhd (IMDB), yang bersamaan pada akhir 2018 masing-masing kepada 9.2 peratus dan 2.2 peratus daripada KDNK.

"Kerajaan menjamin satu lagi 9.2 peratus daripada KDNK pinjaman yang tidak dibayarnya. Kejelasan diberikan kerajaan pada tahun lalu terhadap liabiliti kontingen yang memberi pengaruh negatif terhadap nisbah hutang, tetapi ini sebahagiannya diimbangi oleh ketelusan fiskal yang lebih baik."

"Jualan aset yang ketara, seperti dimahukan kerajaan, boleh menyebabkan kemerosotan penurunan dalam stok hutang berbanding unjurian dalam kes asas kami," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Fitch Ratings mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia perlahaan sedikit tahun ini berikutkan persekitaran luaran memburuk, tetapi masih mampu mencatatkan 4.4 peratus pada 2019 dan 4.5 peratus pada 2020.

Fitch Ratings berkata, penggunaan swasta dijangka kukuh dan pelaburan awam meningkat

 **Kemasukan pelaburan langsung asing adalah kukuh dalam beberapa sukuan yang lalu, tetapi pelabur akan terus berdepan ketidaktentuan perdagangan luaran dan politik domestik.**

### **Fitch Ratings**

semula dalam beberapa tahun akan datang selepas kejayaan rundingan beberapa projek infrastruktur besar, seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Bagaimanapun, ia berkata, tinjauan bagi pelaburan swasta adalah tidak menentu.

"Kemasukan pelaburan langsung asing adalah kukuh dalam beberapa sukuan yang lalu, te-

tapi pelabur akan terus berdepan ketidaktentuan perdagangan luaran dan politik domestik," katanya.

Mengenai sasaran defisit fizikal 3.4 peratus daripada KDNK tahun ini, Fitch Ratings percaya Malaysia mampu mencapai sasaran itu.

Ia berkata, tekanan politik dan ketidaktentuan pertumbuhan akan mendorong kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaan semasanya, tetapi firma penarafan itu percaya jika keadaan berkenaan berlaku, Kerajaan Malaysia akan mencari pendapatan tambahan atau menjual aset untuk mengekang kenaikan dalam defisit dan hutang awam.

Fitch Ratings juga menjangkakan Malaysia akan terus mencatatkan lebihan akaun semasa untuk beberapa tahun akan datang walaupun lebihan itu akan menyempit kepada bawah dua peratus daripada KDNK.

Mengenai dasar monetari, ia mengunjurkan Bank Negara Malaysia akan mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas lagi pada 2020 berikutkan ketidaktentuan luaran dan dalam yang berterusan.